**SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1434H** MS5

**Wakaf Seetee Aisah model cipta sejarah** MS 8




**MPPP jelas isu roboh binaan** MS 24



PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA




16 – 30 November 2012

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Bantuan Biasiswa Kecil Negeri naik hingga RM840 setahun

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Bantuan Biasiswa Kecil Negeri (BBKN) untuk pelajar-pelajar sekolah menengah miskin dinaikkan antara 17 peratus hingga 25 peratus atau RM120 setahun bermula tahun depan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kenaikkan itu sekaligus menyebabkan perbelanjaan tahunan Kerajaan Negeri bertambah RM2 juta untuk tahun 2013.

"Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang sebagai kerajaan berjiwa rakyat telah membuat keputusan untuk menaikkan BBKN kepada pelajar-pelajar miskin di sekolah menengah sebanyak RM 120 setahun daripada RM 480 kepada RM 600 untuk Tingkatan 1 hingga 3 dan daripada RM 720 kepada RM 840 untuk Tingkatan 4 dan 5 untuk 2013.

"Kenaikan ini adalah bagi menampung keperluan pembelajaran pelajar miskin untuk membeli buku-buku kerja dan rujukan serta keperluan harian yang kian meningkat kosnya dari tahun ke tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, inisiatif itu dapat mengekalkan kuasa membeli keperluan belajar dalam kalangan pelajar miskin di negeri berkenaan, malah, inisiatif tersebut merupakan paling tinggi di antara semua negeri di Malaysia.

"Kerajaan Negeri PR hanya berkemampuan menaikkan bayaran kerana mendapat lebihan Bajet Negeri setiap tahun sejak 2008.

"Kejayaan Bajet surplus ini dicapai sungguhpun perbelanjaan telahpun bertambah di bawah PR sebanyak 55 peratus berbanding dengan kerajaan lama. Ini sekaligus menyangkal tuduhan liar pihak tertentu bahawa Bajet surplus dicapai hanya kerana Kerajaan Negeri kurangkan perbelanjaan," tegas beliau.

Guan Eng menjelaskan, surplus naik sebanyak 312 peratus pada tahun 2011 kepada RM138 juta berbanding dengan 2010 adalah kerana urustadbir Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) yang memberikan penekanan kepada tender terbuka kompetitif, pengisytiharan aset pemimpin Kerajaan Negeri termasuk Ketua Menteri kepada orang awam, mendedahkan isi kandungan kontrak kerajaan dengan syarikat swasta dan memastikan kesederhanaan baik dalam perbelanjaan secara berjimat serta berhemah ataupun kehidupan tidak mewah tetapi sederhana pemimpin dan pegawai Kerajaan Negeri.



**SITI Hatijah Mohamed (depan, kiri sekali) menerima Anugerah Ibu Mithali sempena sambutan Maal Hijrah 1434H daripada Tuan Yang Terutama Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan) sambil diperhatikan pucuk kepimpinan negeri pada Majlis Kesyukuran dan Perhimpunan Ummah sempena Maal Hijrah 1434H Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini. Gambar oleh, Mohd. Hafiz Tajudin.** ***Berita lanjut di ms. 5.***

"Lagipun, surplus ini dikongsi dengan rakyat menerusi pelbagai program bantuan emas seperti warga emas, anak emas, mahasiswa emas dan pelajar emas.

"Di samping itu, Kerajaan Negeri telahpun melaksanakan Agenda Ekonomi Saksama (AES), di mana Pulau Pinang bakal menjadi negeri pertama membasmi kemiskinan di Malaysia pada 2013 dengan mewujudkan mekanisme untuk menjamin setiap keluarga memperoleh sekurang-kurangnya RM770 sebulan.

"Mana-mana keluarga yang mempunyai pendapatan kurang RM770 sebulan akan ditambah nilai atau '*top-up*' oleh Kerajaan Negeri pada setiap bulan hingga genap RM770," ujarnya.

Tambah beliau, seramai 2,567 pelajar daripada 123 buah sekolah di Pulau Pinang akan mendapat faedah daripada kenaikan BBKN berkenaan.

"Pemilihan penerima adalah diproses melalui sistem komputer *online* oleh Kementerian Pelajaran Malaysia berasaskan merit, kedudukan kewangan keluarga dan kegiatan ko-kurikulum. Pejabat Pelajaran Pulau Pinang akan memperakukan senarai nama pelajar yang layak menerima bantuan ini kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

"Justeru, mana-mana keluarga di Pulau Pinang yang anak mereka tercicir daripada senarai ini boleh menghubungi Pejabat Daerah atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PR untuk dipertimbangkan," jelas beliau.

# Kefahaman konsep ibadah wakaf diperluas

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN BARU –** Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) bakal menggunakan pelbagai saluran untuk menyampaikan kefahaman kepada seluruh masyarakat Islam dalam negeri berhubung konsep ibadah wakaf.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman yang juga Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) menegaskan bahawa, pendekatan tersebut perlu diambil agar maklumat diperoleh adalah tepat dan tidak sewenang-wenangnya diperkotak-katikkan.



MUHAMMAD Ali Hashim.

"Pelan Induk Pembangunan Wakaf Pulau Pinang hendaklah diadakan bagi memastikan pembangunan wakaf sejajar dengan hasrat pembangunan negeri.

"Pelan ini juga wajar dijadikan asas kepada sebarang cadangan atau percanggahan pembangunan wakaf yang wujud bagi memastikan impak besar terhadap setiap dana dibelanjakan," ucapnya ketika merasmikan Wacana Wakaf Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Bertemakan 'Wakaf Membangunkan Ummah', wacana kali ini menjemput Presiden dan Ketua Eksekutif *Johor Corporation* (Jcorp), Tan Sri Muhammad Ali Hashim bersama tiga ahli panel iaitu Pengerusi *Malaysian Business Council,* Jeddah, Datuk Dr. Mohd. Ghazali Mohd. Noor; Felo Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Muhammed Abdul Khalid dan Pengerusi Lajnah Perpaduan Nasional PAS Pusat, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa dan moderator, Pengerusi Majlis Perniagaan Bersama (JBC) Malaysia, Datuk Faudzi Naim Noh.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Timbalan Mufti, Salahuddin Ghozali.

Wacana Wakaf Pulau Pinang merupakan wacana julung kali diadakan dan merupakan siri perbincangan intelektual yang keempat dianjurkan oleh YIPP.

Tambah Mansor, umat Islam di Pulau Pinang memerlukan kefahaman yang menyeluruh tentang kepentingan dan pembangunan harta wakaf agar harta-harta tersebut akan dibangunkan dan seterusnya mampu menyumbang kepada pembangunan insaniah umat Islam di negeri ini.

Tambah beliau, terdapat beberapa isu dan cabaran dihadapi wakaf di Pulau Pinang yang memerlukan perhatian dan kefahaman umat Islam.

"Saiz tanah wakaf, penghuni tanah wakaf dan dana terbatas adalah sebahagian isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan harta wakaf.

"Masyarakat hari ini masih belum memahami konsep ibadah wakaf yang sangat dinamik dan kelebihan infaq yang sangat mulia kerana ianya amat digalakkan dalam Islam," jelas beliau.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **SAM**



# Rundingan semula sisa pepejal jimat wang rakyat

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) mengadakan rundingan semula harga pengurusan sisa pepejal berjaya mengurangkan kos sebanyak RM 11.2 juta (42.4 peratus) setiap tahun untuk tempoh tiga tahun dengan penjimatan keseluruhan sebanyak RM33.5 juta membabitkan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, setelah mengambilalih pemerintahan, Kerajaan Negeri PR telah mengadakan rundingan semula pengurusan sisa pepejal sedia ada yang tidak berkepentingan awam, harga terlalu tinggi dan merupakan salah satu projek kroni.

"Hakikat tersebut terbukti apabila Kerajaan Negeri berjaya menjimatkan wang rakyat dan menolak kroni dengan pengurangan kos berkenaan," katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Pengurusan Sisa Pepejal Pulau Burong di sini baru-baru ini.

Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Pengurusan Sisa Pepejal Pulau Burong untuk tempoh 20 tahun berlangsung bersama-sama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) selaku PBT yang sebelumnya bertanggungjawab menjalankan tugas pembersihan, pengutipan, pemindahan dan pelupusan sampah di negeri ini.

Perjanjian tersebut adalah di antara PBT dan Syarikat PLB Terang Sdn. Bhd. (PLB Terang) yang terpilih di antara lima syarikat layak bagi menguruskan tapak pelupusan Pulau Burong sedia ada iaitu di fasa dua yang hampir penuh.

Pengurusan tersebut termasuk membina sebuah tapak pelupusan sisa pepejal sanitari taraf IV yang baru di fasa tiga dan satu loji merawat sisa kumbahan serta lendir (*leachate*).

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco-exco Kerajaan Negeri, Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan PLB Terang Sdn. Bhd., Datuk Ong Choo Hoon.




**ONG Choo Hoon (tiga dari kanan) menukar dokumen perjanjian dengan Maimunah Mohd. Sharif (tiga dari kiri) sambil diperhatikan Ketua Menteri pada Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Pengurusan Sisa Pepejal Pulau Burong di sini baru-baru ini.**

Guan Eng memberitahu, dalam menjayakan inisiatif *Public Private Partnership* (PPP), Kerajaan Negeri berpegang pada prinsip '*Think Global, Act Local*' demi memastikan semua usaha mestilah dijalankan orang tempatan.

"Berpandukan itu, Pulau Pinang telah menarik diri daripada skim penswastaan di bawah Akta 672 dan memilih untuk menguruskan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melalui PBT dengan mekanisme sendiri dan tidak menggunapakai Syarikat e-Idaman sebagai syarikat konsesi seperti sebelum ini.

"Kerajaan Negeri yakin kedua-dua PBT telah menjalankan tugas dengan efektif dan berkesan. Tambahan pula, ia juga dapat menjimatkan wang dengan mengurangkan perbelanjaan," ujarnya.

# Akademi Rakyat perkasa akademik Balik Pulau

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BALIK PULAU –** Pembinaan Akademi Rakyat yang menjadi pusat ilmu bagi menggalakkan penerokaan kaedah-kaedah pembelajaran bersesuaian dengan penduduk setempat adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Balik Pulau sebagai hab pendidikan unggul.

Akademi hasil cetusan ilham Ahli Parlimen Balik Pulau, Mohd. Yusmadi Yusoff dalam membantu dan memberi peluang kepada masyarakat setempat khususnya yang kurang berkemampuan dalam bidang akademik.

Dengan visi membangun jiwa, ilmu dan akal, Akademi Rakyat bermatlamat untuk mewujudkan perpustakaan, aktiviti keilmuan melalui kursus-kursus jangka pendek dan pendidikan tambahan kepada anak-anak kecil serta golongan warga emas.

Mohd. Yusmadi berkata, Akademi Rakyat yang diinspirasikan daripada kejayaan Yayasan Anda (dipelopori Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim) adalah sebahagian daripada usahanya untuk memperkasakan




**BANGUNAN Akademi Rakyat.**

komuniti desa terutama di Balik Pulau.

"Pendidikan merupakan asas kepada kemajuan dan kelangsungan hidup masyarakat bertamadun dalam melahirkan generasi terdidik yang berjasa.

"Fokus utama adalah perkasakan komuniti setempat dan keupayaan membangun (jati diri). Justeru, pengetahuan asas dan kemahiran asas perlu dipupuk secara harmoni melalui penubuhan akademi ini," ucap beliau pada Majlis Perasmian



**SEBAHAGIAN pelajar yang menerima sumbangan cek khas pada Majlis Perasmian Akademi Rakyat di sini baru-baru ini.**

Akademi Rakyat di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir menyempurnakan majlis berkenaan.

Turut diraikan adalah, para pelajar kurang berkemampuan yang menerima cek sumbangan khas.

Serentak itu, Guan Eng menegaskan bahawa, dalam mendepani arus globalisasi, pendidikan menjadi kriteria penting bagi menterjemahkan kejayaan yang tiada tolok bandingnya.

"Pendidikan ibarat obor yang akan menerangi dan mengubah kehidupan manusia sejagat.

"Justeru, penduduk setempat wajar mengambil peluang yang ada untuk memenugi ilmu di dada agar tidak tenggelam ditelan arus kemodenan,'' ujarnya.

# Projek CSR 3 dalam 1 urai masalah trafik 10 tahun

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN –** Tiga dalam satu! Akhirnya, pengguna jalan raya Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (di Batu Uban) dari arah George Town - Bayan Lepas mampu menarik nafas lega apabila pusingan 'U' untuk ke pasaraya *Tesco* dan *Green Lane* di sini siap dibina di sini baru-baru ini.

Serentak itu, pelaksanaan projek tersebut turut membabitkan pelebaran jalan terhadap jajaran 800 meter menjadikan lebar keseluruhan (satu hala) kepada 3.5 meter (tiga lorong).

Malah, jejantas 25 meter asal juga telah dipanjangkan kepada 32 meter dan ketinggiannya dinaikkan dari 4.5 meter kepada 5.4 meter.

Dengan lengkapnya projek bernilai RM4 juta hasil sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat pemaju, *IJM Land Corporation,* ia bakal menguraikan masalah kesesakan yang berlaku dalam tempoh 10 tahun sebelum ini dan juga sekali gus menamatkan 'mimpi ngeri' kira-kira 200,000 kakitangan bertugas di kawasan perindustrian Bayan Lepas di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, dalam tempoh empat tahun memerintah, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) nekad menyelesaikan masalah kesesakan di laluan tiga lorong mengecil kepada dua lorong sebelum susur ke Jambatan Pulau Pinang yang menjadi igauan setiap pengguna di sini.

"Kini, ia telah dilebarkan kepada tiga lorong dan pusingan 'U' sepanjang 660 meter turut dibina kira-kira 500 meter dari lokasi pelebaran jalan yang bakal menjimatkan masa pengguna yang sebelum ini terpaksa menggunakan Bayan Mutiara," katanya pada Majlis Perasmian Projek Pelebaran Jalan, Jejantas Baharu dan Pusingan 'U' di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerjaraya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.



SALAH sebuah pengguna menggunakan pusingan 'U' yang siap dibina di sini baru-baru ini.



JEJANTAS yang dinaikkan ketinggian dan keadaan lorong yang dilebarkan kepada tiga lorong.

# LBSB suntik modal pelaburan RM15.6 juta di TPHPP

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Syarikat pengeluar produk halal, Leverage Business Sdn. Bhd. (LBSB) bakal menyuntik modal pelaburan bernilai RM15.6 juta bagi menubuhkan sebuah kilang pembuatan produk berasaskan galetin di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) Bukit Minyak baru-baru ini di sini.

Ini bermakna, LBSB merupakan syarikat pengusaha kesembilan bakal beroperasi di TPHPP menerusi satu perjanjian jual beli yang telah ditandatangani di antara LBSB dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

LBSB diwakili pengarahnya, Fauzy Hyffny manakala PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Fauzy berkata, bagi menambah nilai kepada produk sedia ada, LBSB juga bakal menubuhkan satu-satunya pusat penyelidikan dan pembangunan *(R&D Centre)* dalam TPHPP.

"Dipasarkan dengan jenama 'HILAL', LBSB akan menambah nilai sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan bagi mengkhususkan kepada usaha penyelidikan gelatin bertujuan untuk memperbaiki formulasi dan kualiti produk.

"Malah, LBSB yang bakal dibina membabitkan kawasan seluas dua ekar turut akan bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk kerja saintifik bahan-bahan mentah," ujarnya ketika Majlis Menandatangani Perjanjian Jual-Beli Taman Industri Halal Pulau Pinang baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Mansor Othman.

Dalam pada itu, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Pengerusi Halal Penang, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, melalui strategi promosi dan pemasaran yang agresif, Halal Penang telah berjaya menarik 13 buah syarikat tambahan untuk melabur di sini.

"Halal Penang telah memperoleh pendedahan dalam rangkaian perdagangan dan pemasaran antara negara *(cross-border marketing)* dan berjaya menarik 13 buah syarikat lagi dengan nilai pelaburan RM115.29 juta.

"Kesemua mereka termasuk di dalam senarai menunggu untuk menubuhkan kilang dalam zon tanah baru seluas 40.5 ekar dan dijangka siap untuk pelabur pada tahun 2013," ujarnya.




ROSLI Jaafar (kiri sekali) bertukar dokumen perjanjian bersama Fauzy Hyffny (kanan sekali) sambil diperhatikan Mansor Othman (dua dari kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim pada Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Taman Industri Halal Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

## Sambutan Maal Hijrah 1434H Peringkat Negeri.



PARA dif jemputan meneliti buku Islam dan Melayu, Martabat Umat & Daulat Rakyat pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

# Wacana ilmu jana umat optimistik & berjaya

**BAYAN LEPAS** - Kesinambungan usaha membudayakan ilmu untuk umat Islam di Pulau Pinang kini mencapai ke satu tahap membanggakan apabila Kerajaan Negeri terlibat secara langsung dalam penganjuran wacana ilmu, ucap Pengarah Program Seminar Maal Hijrah 1434H Peringkat Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Malik Kassim.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, usaha tersebut dapat dilihat apabila terdapat lapan buah kitab yang telah diterjemahkan dan diterbitkan bermula tahun 2009 sehingga kini.

"Pada tahun 2010, sebuah kitab unggul karya Yusuf *al-Qadrawi, al-Wasatiyyah al-Islamiah* telah menjadi wadah unggul dalam perjuangan dan pemartabatan umat Islam.

"Oleh itu, saya berharap wacana ilmu hari ini juga mampu menjadi wadah perjuangan Islam di masa hadapan dengan pelancaran buku Islam dan Melayu, Martabat Umat & Daulat Rakyat," ucap Abdul Malik di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu. Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman yang turut hadir bersama isteri, Datin Aishah Zainul turut bersetuju bahawa penganjuran wacana ilmu mampu membangkit semangat umat Islam dan mampu membantu mengharungi cabaran dalam sistem dunia yang semakin 'terbuka'.



ZAINON Abd. Hamid (kiri sekali) menerima Anugerah Bapa Mithali daripada Abdul Rahman Abbas (kanan sekali) sambil diperhatikan Mansor Othman (dua dari kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kanan).

"Syarat utama memartabatkan umat dan rakyat bermula dengan kita sendiri.

"Muhasabah dengan mengambil iktibar dari peristiwa penghijrahan Rasulullah S.A.W serta mencontohi sikap amanah mampu menjadikan kita lebih optimis dan berjaya.

"Sekiranya kita tidak amanah, maka merutinkan perbuatan keji, hina seperti rasuah, fitnah dan penipuan akan berleluasa tanpa rasa malu dan insaf," ujar Mansor.

Hadir sama, Yang diPertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Timbalan Mufti, Sahibul Fadzilah Salahuddin Ghozali.

Manakala kehadiran barisan panel wacana adalah seperti Presiden Kolej Dar al-Hikamh, Datuk Dr. Siddiq Fadzil; Mantan Mufti Perlis, Profesor Madya Datuk Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin; Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr. Mujahid Yusuf Rawa dan Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr. Maszlee Malik turut mengimarahkan lagi sambutan Maal Hijrah yang turut dihadiri oleh kira-kira 1,200 orang di sini baru-baru ini.

Intipati buku Islam dan Melayu, Martabat Umat & Daulat Rakyat adalah berkisarkan tentang semangat dan sikap untuk menjadikan umat dan bangsa yang mulia yang menjadikan iman serta takwa sebagai landasan hidup.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN & LAW SUUN TING**

# Ibu & bapa besarkan 7 anak antara penerima anugerah

**BALIK PULAU -** Sempena sambutan Maal Hijrah 1434H Peringkat Negeri Pulau Pinang, seramai lima anak jati negeri diberi penganugerahan bagi mengenang jasa mereka dalam memartabatkan agama Islam di sini baru-baru ini.

Lima kategori penganugerahan tersebut terdiri daripada Tokoh Maal Hijrah, Bapa Mithali, Ibu Mithali, Pendakwah dan Saudara Kita.

Tokoh Maal Hijrah kali ini berjaya digondol oleh Mat Isa Puteh, 73, di atas jasanya yang banyak memberi sumbangan dalam bidang pendidikan Islam sejak tahun 1968.

Mat Isa, sebelum ini pernah menjadi guru di Sekolah Menengah Simpang Empat, Seberang Perai Selatan (SPS) dan dari situ, beliau mengembangkan kerjaya mendidik sehingga kini dilantik sebagai penasihat Sekolah Agama Nurul Falah di Simpang Empat.

"Pertama sekali, tentulah gembira dengan pengiktirafan ini dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri.

"Saya rasa ini semua berkat istiqomah saya dalam menjalankan tugas mendidik terutamanya berkenaan agama Islam dan tidak pernah mengenal erti jemu dalam mengajar," katanya ketika ditemui di Majlis Kesyukuran dan Perhimpunan Ummah sempena Maal Hijrah 1434H Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir pada majlis tersebut adalah Tuan Yang Terutama Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus.

Pesara Pesuruhjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Zainon Abd. Hamid, 62, diumumkan sebagai penerima Anugerah Bapa Mithali.

Walaupun membesarkan tujuh anaknya dalam kesederhanaan, semua anaknya berjaya melangkah ke menara gading (dua masih belajar) manakala, lima daripada mereka kini berkhidmat dalam bidang profesional seperti jurutera serta pegawai.

Usaha gigih Siti Hatijah Mohamed, 62, membesarkan tujuh anaknya setelah kematian suami, Salleh Mat Arif pada tahun 2003 membolehkan beliau merangkul anugerah Ibu Mithali. Hasil didikan beliau, semua anaknya juga disifatkan berjaya termasuk menjadi pakar bius di Hospital Pulau Pinang. Dua lagi masih belajar termasuk seorang di Australia.

"Anugerah ini adalah berkat dari arwah suami saya juga.

"Beliau juga banyak berkorban dalam mendidik tujuh anak hingga berjaya dan menjadi insan yang berguna kepada masyarakat. Saya turut menasihatkan mereka supaya mendisiplinkan diri dalam apa jua bidang yang diceburi," ujar beliau dalam nada sayu.

Bagi Anugerah Saudara Kita, Khaw Lek Ming, 33, diumumkan sebagai penerima. Selain bekerja di sebuah syarikat swasta di Island Glades di sini, beliau turut aktif berdakwah dan menjadi pembimbing kepada saudara baru. Beliau turut dilantik sebagai kaunselor Pemurnian Akidah Masjid Negeri Pulau Pinang.

"Bagi saya, ini adalah satu permulaan supaya saya dapat berusaha lebih gigih dan yakin dalam melakukan usaha murni ini.



(Dari kiri), MAT Isa Puteh, Suhaimi Abdullah, Khaw Lek Ming, Zainon Abd. Hamid dan Hatijah Mohamed bergambar kenang-kenangan selepas menerima anugerah masing-masing pada Majlis Sambutan Maal Hijrah 1434 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow (depan, berkaca mata) mengedarkan beg untuk para peniaga di *Little India.*






ORANG ramai yang hadir pada sambutan Hari Deepavali anjuran DIGI.



Datuk Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada penduduk memerlukan bersempena program Majlis Rumah Terbuka DUN Batu Maung di Lintang Batu Maung 1.



KETUA Menteri bergambar bersama-sama Timbalan-timbalan Ketua Menteri dan barisan Exco pada majlis rumah terbuka mereka.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (dua dari kanan) bergambar bersama-sama dif-dif jemputan yang hadir.



ADUN Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo menyampaikan hamper sumbangan pada majlis rumah terbukanya di Kampung Minyak.



TIMBALAN Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) bergambar bersama-sama dif jemputan yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Anjuran Ketua Menteri dan Ahli Majlis Kerajaan Negeri.



PERSEMBAHAN traditional pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Anjuran Ketua Menteri dan Ahli Majlis Kerajaan Negeri.



HIASAN kolam berbentuk burung merak pada sambutan Hari Deepavali anjuran DIGI.

# HAPPY! bantu persatuan penduduk

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**




KETUA Menteri diiringi Wong Hon Wai (depan, dua dari kanan) dan Maimunah Mohd. Sharif (depan, kiri sekali) menunjukkan sepanduk HAPPY! pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

**BUKIT MERTAJAM -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini mengumumkan peruntukan RM50 juta di bawah Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!) demi memudahkan rakyat di negeri berkenaan memohon peruntukan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1Malaysia) yang berjumlah RM500 juta daripada kerajaan pusat.

Menurut beliau, syarat sedia ada yang digariskan kerajaan pusat bagi kelulusan TP1Malaysia adalah sukar untuk dipenuhi persatuan penduduk di Pulau Pinang hatta di negeri-negeri lain.

Syarat yang dimaksudkan antaranya satu-satu persatuan penduduk bagi rumah kos rendah (LC) dan rumah kos sederhana rendah (LMC) masing-masing mesti mengemukakan bajet 10 peratus dan 30 peratus daripada kos keseluruhan projek pembaikan atau naik taraf kediaman mereka kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) demi mendapat kelulusan bajet TP1Malaysia.

"Persatuan penduduk tak mampu sedia 10 peratus (hingga) 30 peratus untuk dapatkan bajet baikpulih serta naiktaraf rumah-rumah mereka daripada pusat.

"Inilah masanya Kerajaan Negeri masuk dan bekalkan baki 10 peratus untuk rumah kos rendah dan baki 30 peratus untuk kos sederhanan rendah... tiada alasan lagi untuk kerajaan (pusat) tolak permohonan rakyat," ujar beliau pada Majlis Pelancaran HAPPY! Peringkat MPSP di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Perancangan Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai, Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif dan Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MPSP, Velzahmer Erdino Mohd. Tahir yang hadir menyampaikan taklimat mengenai pengurusan dan penyelenggaraan skim bangunan berstrata.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, HAPPY! berjaya diwujudkan hasil daripada 'dividen anti rasuah', iaitu hasil lebihan kewangan (surplus) sebanyak RM88 juta bagi tahun 2008, tahun 2009 (RM77 juta), tahun 2009 (RM33 juta), tahun 2011 (RM138 juta) dan terbaru kira-kira RM50 juta untuk tahun ini.

Sehingga awal bulan ini, difahamkan, 42 permohonan telahpun diterima kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Saya harap, kita (persatuan penduduk) boleh mohon (TP1Malaysia) cepat-cepat kerana Kerajaan Negeri hanya ada RM50 juta untuk membantu rakyat mendapatkan peruntukan RM500 juta bagi seluruh negara," ujar beliau sambil menjelaskan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri dalam negara yang melaksanakan inisiatif HAPPY!.




NG Wei Aik (depan, dua dari kiri) bersama-sama kakitangan PDC dan PDC Setia Urus Sdn. Bhd. membuat tinjuan di lokasi kejadian seorang wanita yang diintai ketika sedang menggunakan tandas awam di Komtar baru-baru ini.

# Cadangan tambahan 2 CCTV di Komtar

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bagi meningkatkan tahap keselamatan di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), pihak pengurusan kompleks, PDC Setia Urus Sdn. Bhd. mencadangkan tambahan dua unit kamera litar tertutup (CCTV) di sini baru-baru ini.

Cadangan yang dibuat ekoran aktiviti mengintai di tandas awam wanita berkenaan merupakan tambahan daripada tujuh unit sedia ada di sekitar kawasan pintu laluan masuk dan keluar di fasa 1B1 Komtar.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik berkata, cadangan tersebut walau bagaimanapun masih pada tahap perbincangan kerana perlu memperoleh maklum balas daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengenalpasti tempat-tempat yang strategik bagi pemasangan CCTV tersebut.

"Satu tarikh telah ditetapkan bagi perbincangan mengenai hal ini.

"Sementara itu, pihak pengurusan telah mengambil inisiatif dengan melekatkan notis di pintu tandas yang sebelum ini dikesan terdapat aktiviti sedemikian untuk makluman awam.

"Sebagai langkah keselamatan, para pengunjung dinasihatkan menggunakan tandas berhampiran *Maybank* yang menjadi laluan ramai dan pada masa sama, PDRM diharap dapat mempertingkatkan kawalan," katanya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Wei Aik, sebagai inisiatif tambahan, tandas awam yang sebelum ini ditutup pada jam 9 malam dari Isnin hingga Ahad turut diubah masa pengoperasiannya.

"Bagi Isnin hingga Jumaat, tandas akan ditutup pada jam 8 malam manakala, Sabtu dan Ahad, 5 petang," jelas beliau.

Hadir sama, Penolong Pengurus Kanan Bahagian Pengurusan Harta PDC, Roslan Hassan dan Pengurus Kanan Komunikasi Korporat PDC, Dahlan Ismail.

# PIHEC 2013 menjanjikan kelainan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**




ABDUL Malik Abul Kassim (kiri) bersama Pengurus Halal Penang, Mohamad Firhan Ghouse bergambar bersama-sama banting penganjuran PIHEC 2013 pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Penganjuran Ekspo dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) 2013 yang bakal berlangsung bermula 18 Januari sehingga 20 Januari di Pusat Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini bakal menjanjikan kelainan berbanding anjuran tiga tahun sebelum ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, dengan menfokuskan kepada industri pelancongan dan hospitaliti halal, PIHEC 2013 bakal mengadakan *'Chief Minister's and Governors Forum' (CMGF)* bagi merancakkan pembangunan industi halal di rantau ini pada 19 Januari di Hotel Eastin, Bayan Baru.

Beliau memberitahu, CMGF adalah wacana untuk perbincangan intelektual dicadangkan dalam persidangan halal dan pihak penganjur pastinya menjangkakan individu dan kumpulan intelektual dapat berkumpul bagi mengutarakan buah fikiran masing-masing.

"Selain itu, pelbagai program harian turut akan dijalankan sepanjang tiga hari ekspo berlangsung termasuk demonstrasi masakan, pertunjukan busana muslimah, cabutan bertuah dan sesi pemadanan perniagaan.

"Terdapat juga artis-artis jemputan yang diundang untuk memeriahkan ekspo kali ini," kata Abdul Malik pada sidang media pengumuman penganjuran PIHEC 2013 di sini baru-baru ini.

PIHEC 2013 adalah hasil anjuran Kerajaan Negeri melalui agensinya, Halal Penang dengan kerjasama *The Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMTGT)* sebagai salah satu inisiatif dalam memartabatkan industri halal tempatan ke persada antarabangsa.

Tambah Abdul Malik, industri halal kini giat berkembang dan ianya tidak hanya terhad kepada industri pemprosesan makanan semata-mata.

"Produk-produk organik, kosmetik, busana, perkhidmatan logistik, hospitaliti, kewangan, hartanah dan barangan am juga sebahagian dari industi halal yang ada di sini," ujarnya.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sekretariat PIHEC di talian 04 - 262 5444 atau emelkan ke *secretariatpihec@gmail.com*.

# Wakaf Seetee Aisah model cipta sejarah



NUR Jazlan Mohamed (dua dari kanan) menyerahkan replika Pusat Peniagaan Wakaf Seetee Aisah kepada Mohd. Salleh Man (dua dari kiri) sambil diperhatikan Abdul Rahman Abbas (tengah) pada Majlis Perasmian dan Penyerahan Pusat Komersial Wakaf Seetee Aisah di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Pembangunan Pusat Komersial Wakaf Seetee Aisah di Jalan Tun Hussein Onn di sini menjadi model pusat komersial pertama seumpamanya di negara ini yang membabitkan pembangunan tanah wakaf demi kepentingan umat.

Dibangunkan di atas tanah seluas lima hektar, pusat perniagaan tersebut terdiri daripada 27 unit kedai serta rumah teres dua tingkat (76), yang dinamakan sebagai Taman Wakaf Seetee Aisah sempena nama pewakaf, iaitu Seetee Aisah Mahmood.

Pusat komersial serta kediaman yang hanya boleh dimiliki umat Islam berkenaan dibangunkan dengan kerjasama strategik membabitkan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINP) selaku pemegang amanah tanah dan pemaju, UDA Holdings Berhad melalui anak syarikatnya, UDA Land (North) Sdn. Bhd..

Yang Dipertua MAINPP, Datuk Mohd. Salleh Man berkata, pembangunan tanah wakaf terbabit menelan nilai kasar sebanyak RM24 juta.

Sebagai membalas kerjasama strategik itu, katanya, MAINPP bersetuju menerima bangunan perniagaan bernilai RM10.9 juta sebagaimana yang dipersetujui secara bersama-sama dengan pemaju, UDA Holdings Berhad.

Tambah beliau, pusat perniagaan itu akan disewa oleh MAINPP kepada umum, manakala, unit-unit rumah tersebut akan dijual kepada penganut Islam sahaja menggunakan kaedah Al-Ijarah atas alasan hartanah itu dibangunkan di atas tanah wakaf.

"MAINPP berharap akan lebih banyak lagi kerjasama strategik seperti ini dapat dilakukan demi mengembangkan manfaat atas tanah wakaf selain memperluas pemilikan hartanah membabitkan umat Islam di negeri ini," ujar Mohd. Salleh pada majlis perasmian tersebut, di sini baru-baru ini.

Pengerusi UDA Holdings Berhad, Datuk Nur Jazlan Mohamed turut berucap pada majlis tersebut sebelum dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Maktar Shapee (Timbalan Yang Dipertua MAINPP) turut hadir pada majlis tersebut.

Difahamkan, pemilik tanah, Seetee Aisah Mahmooh mewakafkan tanah tersebut pda 30 September 1901 bagi tujuan pertanian dengan sewaan RM400, namun, tidak mencukupi untuk MAINPP melaksanakan amanah pewakaf.

Berikutan itu, MAINPP mengambil keputusan untuk bekerjasama dengan UDA Holdings Berhad bagi membangunkan manfaat atas tanah tersbeut secara komersial.

"Kita di peringkat MAINPP berharap lebih ramai lagi umat Islam dapat mewakafkan tanah demi pembangunan manfaat umat.

"MAINPP juga memandang harta wakaf sangat penting dalam membangunkan ekonomi umat Islam dengan melancarkan semula Dana Wakaf Tunai dengan kadar minimum RM5 supaya dapat digunakan untuk faedah orang Islam," kata Mohd Salleh.

## Tubuh IPCMC, siasat segera tiga polis rogol warga Indonesia


KETUA Menteri menyerahkan sumbangan kepada Sofiana Mufidah (dua dari kanan) sambil diperhatikan Mansor Othman (kiri sekali) dan Abdul Malik Abul Kassim sempena lawatan khas ke Konsulat Indonesia di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Siasatan kes tiga polis yang didakwa merogol gadis warga Indonesia baru-baru ini wajar dipercepatkan demi memulihara imej integriti Polis Diraja Malaysa (PDRM) selain hubungan diplomatik membabitkan Kuala Lumpur dan Jakarta.

Ekoran itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) wajar ditubuhkan demi memelihara hak kemanusiaan, baik warganegara mahupun warga asing.

"Tubuh IPCMC supaya ada satu saluran yang membolehkan si mangsa ini dapat buat aduan untuk tindakan cepat," ujar beliau di Konsulat Indonesia, Jalan Burma, di sini, iaitu tempat perlindungan sementara mangsa berusia 25 tahun tersebut.

Bercakap dengan pemangku Konsul Besar Indonesia, Sofiana Mufidah, beliau berkata, Kerajaan Negeri akan berusaha memberi pertolongan, termasuk dari segi perundangan.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri turut akan menyampaikan mesej kemanusiaan secara khusus kepada Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abd. Rahim Hanafi.

Sofiana dalam reaksi spontan melahirkan harapan bahawa pihak berwajib dapat memperbaiki hubungan dua hala ekoran insiden tersebut.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut serta dalam delegasi Kerajaan Negeri tersebut.

Terdahulu, mangsa yang merupakan pelayan kedai makan mengaku dirogol oleh tiga anggota polis di Balai Polis Perai, Seberang Perai Tengah di sini.

Lanjutan itu, beliau membuat aduan serta merayu untuk pulang ke negaranya.

Abd. Rahim dalam reaksi spontan berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas mengikut lunas undang-undang sekiranya dakwaan itu benar.

Katanya lagi, ketiga-tiga suspek masih direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

# *Little India* dinaiktaraf

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Landskap sekitar Lebuh Queen, Lebuh Chulia dan Jalan Pasar atau lebih dikenali sebagai *Little India* di sini bakal berubah apabila Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengambil inisiatif untuk menaiktaraf beberapa kemudahan di sini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow, Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM3 juta untuk kerja-kerja penambahbaikan termasuk menaiktaraf beberapa laluan sekitar.

"Kawasan *Little India* adalah kawasan tumpuan di mana para pelancong tempatan dan luar negara sering singgah untuk membeli-belah dan jamu mata.

"Sebagai permulaan, kita telah berbincang dengan pemilik premis di kawasan tersebut bagi memberi pandangan serta cadangan untuk menaiktaraf kawasan di sini.

"Hasil perbincangan, kita akan memulakan Fasa 1 dengan mengecat beberapa buah premis yang usang dan akan minta khidmat bantuan dari badan penggerak projek di bawah Khazanah Nasional Berhad, Think City Sdn. Bhd. untuk terlibat sama," ujar Kon Yeow baru-baru ini ketika mengadakan lawatan sempena sambutan Deepavali di sini.

Kon Yeow yang juga merupakan Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas menyatakan bahawa kerja-kerja menaiktaraf laluan sekitar melibatkan Lebuh Queen, Lebuh King, Lebuh Pasar dan Lebuh Penang juga akan dilaksanakan sebaik sahaja Fasa 1 selesai.



***LITTLE India* – Gambar hiasan.**

Dalam pada itu, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), L. Prem Anand yang turut serta dalam lawatan tersebut memberitahu bahawa lokasi *Little India* dalam kawasan Bandar Warisan Dunia menjadikan ia begitu terkenal.

"Oleh itu, kita perlu memelihara persekitaran termasuk struktur jalan dan infrastruktur yang ada dalam kawasan ini.

"Malah, kesesakan juga dapat diperbaiki dengan adanya tempat meletak kenderaan dua tingkat dengan bayaran RM2 sekali masuk di kawasan berhampiran," ujar Prem Anand.

## 50 peratus lagi diskaun lesen jaja MPPP tahun depan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



**KETUA Menteri serta kepemimpinan Kerajaan Negeri bergambar bersama-sama barisan penjaja yang memenangi Pertandingan Gerai Terbersih 2011 sempena sambutan Hari Penjaja Kali Ke-17 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Penjaja di sekitar pulau sekali lagi diberi diskaun pembayaran lesen sebanyak 50 peratus pada tahun depan sebagai menghargai peranan mereka dalam membantu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPSP) merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng membuat pengumuman itu pada jamuan makan malam sempena Hari Penjaja 2012 baru-baru ini.

"Diskaun 50 peratus telah bermula pada tahun 2010 dan para penjaja akan terus menikmati tolakan 50 peratus oleh MPPP pada tahun depan (2013)," ujar beliau di Dewan Bandaran MPPP, di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Datuk Ar. Patahiyah Ismail (Yang Dipertua MPPP), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas), Ng Wei Aik (Ahli Dewan Undangan Negeri/ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri) turut hadir pada majlis tersebut.

Ong Ah Teong, Tay Leong Seng dan Lam Tong Ying antara Ahli Majlis bagi MPPP yang hadir pada majlis itu.

Difahamkan, Hari Penjaja mula diraikan di Pulau Pinang pada 18 November 1996 demi menghargai peranan penjaja dalam menggerakkan ekonomi negeri.

Sejak itu, perayaan tersebut diraikan pada tanggal yang sama saban tahun dan pertandingan gerai terbersih menjadi salah satu program tradisi yang menarik serta ditunggu-tunggu oleh kaum penjaja.

"Budaya Bersih, Amalan Penjaja" menjadi tema bagi perayaan Hari Penjaja Kali Ke-17 baru-baru ini.

Sehingga Oktober lepas, Guan Eng berkata, sebanyak 6,392 kompaun telahpun dikeluarkan oleh MPPP kepada penjaja atas pelbagai kesalahan seperti berniaga tanpa lesen, tidak menjalankan pemeriksaan kesihatan, tidak memakai apron serta tutup kepala, mengamalkan tabiat buruk semasa mengendalikan makanan, menghalang lalu lintas dan sebagainya.

Beliau berkata, MPPP tidak pernah menzalimi mana-mana pihak sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh pembangkang Pulau Pinang.

Atas maksud itu, beliau menjelaskan mengenai kontroversi kira-kira 20 penjaja tanpa lesen menuntut hak berniaga di sekitar Padang Kota Lama, di sini.

"Beliau (Patahiyah) tetap cakap 'tak boleh' kepada penjaja-penjaja 'haram' (tanpa lesen) di Padang Kota Lama kerana ini berlawanan dengan hasrat penjaja-penjaja berlesen di Medan Renong di Padang Kota Lama juga.

"Marilah bersama-sama kita memberi sokongan kepada Yang Dipertua MPPP kita (Patahiyah) dalam menguatkuasa apa yang diperuntukan dalam undang-undang kerana kerja menyelesaikan aktiviti penjajaan tanpa lesen ini bukanlah mudah," ujar beliau di depan lebih 200 hadir yang juga kaum penjaja berlesen.

## Jom ke Pesta Durian & Buah-buahan



**LAW Choo Kiang (dua dari kanan) dan Abdul Halim Hussain (dua dari kiri) memilih durian untuk dirasa bersempena Majlis Perasmian Pesta Durian dan Buah-buahan di Anjung Indah di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BALIK PULAU –** Jarang sekali durian Balik Pulau berbuah dua kali setahun!

Menurut pemilik dusun yang hanya dikenali sebagai James, fenomena durian berbuah dua kali setahun hanya berlaku setiap 12 tahun sekali.

"Ia adalah tuah untuk orang Pulau Pinang dan pelancong kerana dapat menikmati keenakan buah durian pada bulan November/Disember selain musim utama, April/Mei lalu," katanya bersempena Majlis Perasmian Pesta Durian dan Buah-buahan Anjung Indah anjuran pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain.

Antara jenis durian yang dijual adalah '*musang king*' 'D24', 'udang merah', 'labu', 'lipan', 'durian kampung' dan banyak lagi.

Choo Kiang berkata, ia adalah satu kebetulan musim durian kedua jatuh pada musim cuti sekolah.

"Dengan ini, pemilik-pemilik dusun mampu menjana pendapatan yang lebih bagus," ujarnya yang meminati durian jenis 'musang king' yang disifatkan isi lebih tebal, manis dan lebih lemak.

Dalam pada itu, Abdul Halim menyatakan bahawa beliau lebih meminati durian jenis 'udang merah'.

"Durian 'udang merah' lebih lemak dan berkrim. Lebih kurang macam makan ais krim lah rasanya.

"Lagi pun, durian Pulau Pinang rasanya ada masin-masin sikit, mungkin sebab Balik Pulau adalah dikelilingi oleh laut," seloroh beliau ketika melawat gerai-gerai di sini.

# Keretapi bergerak lambat, bukan tersangkut - PHC

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BUKIT BENDERA** - Operasi keretapi Bukit Bendera yang tergendala sehingga menyebabkan kira-kira 1,300 pengunjung 'terkandas' pada jam 6.50 petang 15 November lalu di sini adalah ekoran masalah komunikasi antara salah satu gerabak dengan sistem kawalan utama bagi stesen di sebelah atas.

Namun, apa yang dikesalkan pihak pengurusan Perbadanan Bukit Bendera (PHC) adalah insiden tersebarnya laporan mengatakan bahawa penumpang tersangkut dalam koc berikutan kegagalan pintu keretapi berfungsi.

Pengurus Besar PHC, Maklen Ali menegaskan bahawa tiada kes penumpang terperangkap di dalam gerabak.

"Kejadian sistem komunikasi koc yang terjadi telah menyebabkan salah satu koc bergerak dengan terlalu perlahan pada kadar 1.4 meter per saat berbanding kelajuan biasa enam meter per saat.

"Ini menyebabkan perjalanan sehala menjadi perlahan sehingga 20 minit berbanding masa asal tujuh minit," ujar beliau pada satu sidang media khas sehari selepas kejadian di sini baru-baru ini.



MAKLEN Ali (tengah) bersama dua kakitangan teknikal PHC pada satu sidang media khas di sini baru-baru ini.

Mengenai dakwaan bahawa pengunjung tidak dimaklum mengenai kejadian tersebut, pihak PHC sekali lagi menyangkal dakwaan berkenaan dengan menyatakan bahawa pihaknya ada membuat pengumuman beberapa minit selepas kejadian berlaku melalui pembesar suara.

"Mungkin ada penumpang yang 'terlepas dengar' pengumuman tersebut.

"Namun, pihak PHC telah memohon maaf atas kejadian yang menimpa 1,300 penumpang terbabit. Tambahan pula, sedikit kesulitan berlaku ketika usaha menurunkan kesemua penumpang yang hanya selesai tepat jam 11.30 malam," ujar beliau lagi.

Pada majlis sama, PHC turut memaklumkan secara terperinci mengenai jadual selenggaraan yang sering dilakukan secara berkala dan mengikut jadual ditetapkan.

Selenggaraan harian adalah bermula seawal jam 5 pagi sebelum keretapi memulakan operasinya.

## Syarikat tempatan hasil telur sifar antiobiotik pertama di Asia Tenggara

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** –Syarikat SHH Poultry Sdn. Bhd. (SHH Poultry) diiktiraf sebagai syarikat tempatan pertama yang berjaya menghasilkan telur sifar antiobiotik menggunakan teknologi dari China di rantau Asia Tenggara.



LAW Choo Kiang (kanan) menunjukkan telur sifar antiobiotik yang dihasilkan manakala Tan Eng Guan ceria dengan pengiktirafan diberikan Kerajaan Negeri atas kejayaan syarikatnya pada sidang media sini baru-baru ini.

Ekoran kejayaan tersebut, Kerajaan Negeri telah menyampaikan sijil penghargaan dan pengiktirafan khas kepada syarikat terbabit di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang yang menyempurnakan majlis tersebut berkata, teknologi yang digunakan membolehkan SHH Poultry menghasilkan telur ayam sifar antibiotik dan bebas bahan kimia yang lebih selamat serta tahan lama.

"Bukan sahaja menyihatkan, malah, ia merupakan potensi perlu diketengahkan bagi membolehkan orang ramai mengamalkan hidup sihat melalui pemakanan yang betul," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Choo Kiang, penghasilan hasil tersebut bukan sekadar memacu hala tuju sektor penternakan di Pulau Pinang tetapi juga mampu menjadi contoh kepada pengusaha lain untuk menggunakan teknologi yang selamat dan mesra alam.

"Penternak lain perlu mengambil peluang untuk menggunakan teknologi berkualiti, selamat dan mesra alam ini dalam memastikan rakyat negeri ini khasnya dapat menikmati tahap kesihatan yang optimum," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengurus SHH Poultry, Tan Eng Guan berkata, ladang penternakannya yang terletak di Seberang Perai Selatan adalah bebas antiobiotik, bahan kimia, bebas bau dan organik.

"Sejak 2006, syarikat kami bekerjasama dengan syarikat penternakan dari China, Luheng Agricultural Technologies Sdn. Bhd. untuk menghasilkan telur ayam dan ayam telur yang selamat, berkualiti dan tahan lama.

"Sehingga hari ini, kami berjaya menghasilkan 10,000 biji sehari bagi memenuhi permintaan pasaran yang kian meningkat," jelas Eng Guan.

## BJCC kini bertaraf kelab golf dunia



PARA jemputan dibawa bersiar-siar di sekitar PGC bersempena majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

Guan Eng berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-38 Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, kemakmuran hanya boleh dicapai apabila adanya kedaulatan undang-undang, integriti dan meritokrasi yang mampu membina jati diri insaniah dan bakat.



**ACARA memotong kek sebagai simbolik perasmian Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-38 REHDA di sini baru-baru ini.**

“Kita (Kerajaan Negeri) telah berikrar untuk menjadi sebuah kerajaan yang mesra rakyat dan mengamalkan prinsip CAT (Cekap, Akauntabel, Telus) serta memberi tumpuan kepada keperluan rakyat.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri memberi tumpuan untuk membina perumahan mampu milik walaupun hakikatnya ia adalah tanggungjawab kerajaan persekutuan,” ucapnya yang turut mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri telah melancarkan dana berjumlah RM500 juta untuk membina 18,000 rumah mampu milik untuk lima tahun mendatang.

Sejak 2008, Kerajaan Negeri telah membina 4,000 unit rumah kos rendah melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Manakala sektor swasta sehingga hari ini telah membina 8,000 unit kos rendah dan dijangkakan menjangkau 20,000 unit dalam tempoh lima tahun mendatang.

“Saya memuji Pengerusi REHDA Cawangan Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan dan semua eksekutif REHDA kerana sentiasa positif dalam melaksanakan CSR serta menunjukkan sikap kepimpinan melalui teladan.

“Hal ini dapat dilihat apabila REHDA melalui CSR dan kewangan bukan sahaja membina taman, laluan jalan dan lintasan pejalan kaki, malah turut menyokong Kerajaan Negeri mempromosikan inisiatif hijau dalam projek-projek pembinaan mereka,” ujar beliau.

Sehubungan itu, beliau turut menegaskan bahawa pembangunan Pulau Pinang perlulah seimbang dan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dengan mengambil kira pelbagai aspek antaranya keselamatan, penyediaan tempat beribadat dan hijau.

Jerry dalam pada itu berkata, badan-badan bukan kerajaan dan juga sektor swasta perlu memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk menyediakan kediaman selesa dan bukannya mengikut harga hartanah yang semakin melonjak serta keuntungan semata-mata.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim; Exco Perancang Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai, Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif dan Pengerusi REHDA Malaysia, Michael Yam.

# Gelanggang futsal bakal dibina di Bkt. Gedung

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU MAUNG –** Sebuah gelanggang futsal bakal dibina di kawasan Bukit Gedung ekoran pembentangan Belanjawan 2013 oleh Ketua Menteri pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini baru-baru ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim pada majlis gotong-royong anjuran DUNnya di perkarangan Surau Al-Ubudiyah, Bukit Gedung di sini baru-baru ini.

Tambah Abdul Malik, satu lagi projek kesihatan khas untuk wanita adalah Program Kesihatan Bebas Barah Payu Dara Pulau Pinang, yang mana Kerajaan Negeri di bawah peruntukan ADUN bakal menyediakan pemeriksaan mamogram secara percuma kepada golongan wanita.

"Kerajaan Negeri juga meluluskan peruntukan bagi satu DUN satu gelanggang futsal dalam belanjawan 2013, maka, kawasan Bukit Gedung akan menerima manfaat ini apabila sebuah gelanggang futsal bakal didirikan di sini," ujarnya di sini.

Mengulas mengenai penganjuran program gotong-royong berkenaan, beliau menyatakan bahawa ia adalah bagi menggalakkan budaya menjaga kebersihan dalam kalangan penduduk sekitar khususnya.

"Adalah penting untuk semua lapisan masyarakat menerapkan semangat menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih bersih.

"Kita mestilah menjaga kebersihan diri, keluarga, rumah, kawasan dan negeri. Tidak boleh mengharapkan kontraktor pembersihan semata-mata kerana ini adalah tanggungjawab bersama.

"Apabila rumah, kawasan sekitar dan negeri bersih, barulah semua masyarakat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan sihat," ujarnya.

Program tersebut turut memperoleh kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Turut diadakan adalah pameran dari Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ), Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Perpustakaan Bergerak dan demonstrasi kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Hadir sama, Ahli Majlis MPPP, Ramlah Bee Asiahoo.



KANAK-kanak tidak melepaskan peluang melihat dengan lebih dekat cara-cara menggunakan hos air pasukan Bomba dan Penyelamat yang turut serta dalam Majlis Gotong-royong bersama penduduk Bukit Gedung di perkarangan Surau Al-Ubudiyah baru-baru ini. Turut kelihatan adalah Abdul Malik Abul Kassim (barisan belakang, berkaca mata).

# 26 fasilitator Flextronics jayakan Anugerah Komuniti Mampan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan bekerjasama dengan 26 fasilitator profesional daripada syarikat Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. (Flextronics) demi menjayakan lagi Program Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif baru-baru ini berkata, program anugerah yang diadakan saban tahun itu demi melahirkan Eko-Komuniti selain melaksanakan aktiviti pembersihan serta kehijauan Seberang Perai.



MAIMUNAH Mohd. Sharif saling berinteraksi dengan fasilitator Flextronics (pegang sijil) sambil diperhatikan oleh Muruthy Murigiah (kiri sekali) dan Rozali Mohamud (berkopiah) selepas selesai Majlis Penyampaian Anugerah Komuniti Mampan 2012/2013 di sini baru-baru ini.

"Fasilitator-fasilitator ini akan bekerjasama dengan MPSP untuk memberi pandangan dan tunjuk ajar kepada semua persatuan penduduk berdaftar, Rukun Tetangga, JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti), *Joint Management Body* (JMB) dan *Management Corporation* (MC) di Seberang Perai yang mengambil bahagian," ujar beliau di Kompleks MPSP, di sini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Muruthy Murigiah (Pengurus Kanan Flextronics) dan Soon Lip Chee (Ahli Majlis bagi MPSP) turut hadir pada Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2012/2013 itu.

Maimunah turut merakamkan penghargaan kepada Flextronics kerana menaja hadiah-hadiah dalam saingan tersebut.

Tempat pertama bakal menerima RM3,000 serta sijil kepujian. Manakala, tempat kedua dan ketiga masing-masing menerima RM2,000 dan RM1,500 dengan sijil kepujian.

Lima hadiah saguhati berupa RM1,000 tunai serta sijil kepujian turut disediakan bagi pihak yang menyertai pertandingan tersebut.

Mereka yang berminat, boleh mengambil borang penyertaan di laman web MPSP, *www.mpsp.gov.my/LocalAction21*.

# Sertai Kayuhan Hijau MPSP 9 Disember ini



MAIMUNAH Mohd. Sharif.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal menganjurkan Kayuhan Hijau MPSP 2012 pada 9 Disember ini di Daerah Seberang Perai Selatan.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif baru-baru ini berkata, kayuhan eko-komuniti itu sejauh 20.5 kilometer bermula dari Taman Negeri Bukit Panchor.

"Program ini diadakan demi mendekatkan kita (MPSP) dengan komuniti di Seberang Perai Selatan.

"Kayuhan akan bermula dari Jalan Taman Bukit Negeri melalui Jalan Sungai Kechil. Kita akan berhenti untuk makan dan minum di USM (Unversiti Sains Malaysia) Kampus Kejuruteraan sebelum kembali melalui Jalan Sungai Kechil dan kembali ke Taman Negeri Bukit Panchor," ujar beliau dalam satu sidang media selepas Mesyuarat Majlis Penuh di Kompleks MPSP, di sini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud turut serta dalam sidang akhbar itu.

Maimunah berkata, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dijadualkan menyempurnakan majlis perlepasan peserta kayuhan tersebut.

"Jadi, kita jemput seluruh warga Seberang Perai khususnya di SPS (Seberang Perai Selatan) untuk menyertai program eko-komuniti ini," ujar beliau.

# Kehebatan Nicol, Chong Wei diiktiraf negeri

**GEORGE TOWN** - Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol David dan Pemenang Pingat Perak Sukan Olimpik 2012 London bagi acara badminton, Datuk Lee Chong Wei sekali lagi diumumkan sebagai penerima anugerah Olahragawati dan Olahragawan Negeri 2011 di sini baru-baru ini.

Dengan pengiktirafan tersebut, kedua-dua jagoan negara berkenaan membawa pulang wang tunai RM3,000, trofi dan sijil penghargaan.

Chong Wei sebelum ini pernah merangkul gelaran Olahragawan Negeri pada tahun 2005, 2007, 2008, 2009 dan 2010 manakala, Nicol, 1997, 1998, 1999, 2000, 2001, 2003, 2008, 2009 dan 2010.

Dalam pada itu, atas kecemerlangan yang dipamerkan dalam pertandingan antarabangsa, Nicol turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Khas Piala Tuan Yang Terutama.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua atlit yang selama ini bertungkus-lumus menaikkan nama Pulau Pinang dalam bidang sukan.

"Pencapaian sukan bagi negeri Pulau Pinang dalam empat tahun kebelakangan ini dilihat cukup membanggakan dengan peningkatan prestasi terutamanya pada aspek pungutan pingat dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA).

"Pencapaian terbaru SUKMA Pahang tahun ini menyaksikan kejayaan kontinjen Pulau Pinang melepasi sasaran 30 pingat emas sebagaimana disasarkan Majlis Sukan Negeri," katanya dalam ucaptama Malam Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2011 di sini baru-baru ini.




ABDUL Rahman Abbas (tiga dari kanan) menyerahkan trofi kepada bapa Nicol David yang mewakili beliau di Malam Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2011 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Tuan Yang Terutama Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait.

Bagi anugerah-anugerah lain, Jurulatih Terbaik dimenangi oleh Aaron Soyza bagi acara skuasy; Olahragawan Harapan, Lim Chee Wei (karate-do), Olahragawati Harapan, Mah Till Da (renang berirama), Anugerah Pasukan Terbaik, Pasukan Karate Lelaki dan Wanita dan Anugerah Atlit Paralimpik, Muhamad Suhaili Ab. Hamid (tenpin boling).

Lydia menambah, Pulau Pinang dari dahulu sememangnya banyak melahirkan jagoan sukan seperti Datuk Eddy Chong, Ong Ewe Hock, Ong Ewe Chye dan Lee Chong Wei (badminton), Zaiton Othman, Rabia Abdul Salam, Saik Oik Cum dan Angamah Vengadasalam (olahraga), Low Wee Wern, Nicol David, (skuasy), Jeffrey Ong (renang), Shukor Salleh (bola sepak) dan ramai lagi," ujar beliau.

---

# JKPP lokasi penganjur *Penang Bridge International Marathon 2013*

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK** – Penganjuran *Allianz Penang Bridge International Marathon 2012* yang berjaya menarik penyertaan seramai 34,500 peserta dari seluruh dunia sekali lagi berjaya memperoleh pengiktirafan *Malaysia Book of Records* sebagai acara larian terbesar dalam negara.




ABD. Halim Hussain (kanan sekali) bergambar bersama-sama pemenang bagi kategori wanita.

Malah, penganjuran kali ke-26 tersebut merupakan yang terakhir diadakan di Jambatan Pulau Pinang kerana penganjuran tahun depan (2013) bakal diadakan di Jambatan Kedua Pulau Pinang (JKPP) yang dijangka siap pada September 2013.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengucapkan tahniah kepada puluhan ribu peserta yang sudi menyertai acara tersebut berbanding hanya 27,500 orang pada tahun lalu.

"Kita (pihak penganjur) juga menerima penyertaan yang banyak di peringkat antarabangsa dengan penyertaan 68 buah negara seperti Thailand, Singapura, Indonesia, Amerika Syarikat, Kenya, United Kingdom dan banyak lagi.

"Malah, kita turut mengalu-alukan kedatangan Ahli Jawatankuasa Perbandaran Xiamen, Kang Tao yang sudi ke sini untuk turut sama menilai penganjuran ini bagi dilaksanakan di wilayah sendiri.

"Dalam pada itu, sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kerana berjaya melepasi garisan penamat kerana ia bukan sesuatu yang mudah, sebaliknya atas semangat yang kental sehingga menjadikan anda semua nombor satu," katanya pada ucaptama penutup *Allianz Penang Bridge International Marathon 2012* di sini baru-baru ini.

Bagi acara utama Marathon Penuh Lelaki Terbuka, ia telah dimenangi oleh Isaac Kiplagat Kimayo dari Kenya dengan catatan masa 2:32:00 mengatasi rakan senegara, Naoh Kutung Chepsergon dan Fredrick Mathiu.




PARA peserta *Allianz Penang Bridge International Marathon 2012* bakal memulakan larian pada penganjuran di sini baru-baru ini.

Kategori Marahon Penuh Wanita Terbuka pula menyaksikan Fischer Monika dari Jerman mengungguli acara dengan catatan 3:25:09.50 mengalahkan Deborah Chinn dari Amerika Syarikat dan Ninik Sugiwati dari Indonesia.

Marathon Penuh Lelaki Terbuka (Malaysia) tidak kurang hebatnya apabila Shaharudin Hashim menggondol tempat pertama dengan catatan masa 2:49:26.51 dan ketujuh keseluruhan termasuk peserta antarabangsa. Tempat kedua dimenangi oleh Osmond Daimon diikuti Jasni Khairil.

Kesemua pemenang diberikan hadiah berupa sijil, wang tunai, trofi dan baju T sumbangan penaja utama.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Datuk Ar. Patahiyah Ismail.


KOTORAN yang 'dikeluarkan' melalui rawatan dijalankan.


SEORANG pesakit sedang mendapatkan rawatan.

# Minat dorong Rosnani mahir rawatan resdung & bedak sejuk keluarga

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

**TANGGAPAN** umum bahawa resdung adalah penyakit hanya berkait dengan masalah hidung 'tersumbat' adalah salah sama sekali.

Ini kerana, menurut pengamal perubatan tradisional yang terkenal dengan rawatan resdung di Balik Pulau, Rosnani Che Mat, resdung bukan hanya terhad kepada 'masalah' di hidung, sebaliknya, ia turut membabitkan simptom-simptom seperti bersin, hidung berair, jerawat, tidak boleh bernafas, hilang deria bau, rambut gugur dan bintik-bintik hitam di muka (jeragat) membabitkan kebersihan di muka secara keseluruhan.

Tahap keseriusan resdung seseorang boleh dikesan melalui hasil rawatan yang dijalankan.

Kebetulan, lawatan Buletin Mutiara (BM) baru-baru ini di kediaman beliau di Jalan Bharu, Balik Pulau turut didatangi seorang pesakit dalam lingkungan usia 20-an. Justeru, BM dapat memerhatikan keseluruhan proses rawatan yang memakan masa kira-kira setengah jam.

Rosnani, 31, yang mewarisi teknik rawatan resdung tiga generasi (kira-kira 30 tahun) daripada keluarga suaminya menyatakan bahawa tahap keseriusan resdung seseorang pesakit dapat diukur melalui 'kepedihan' dan ketebalan lapisan habuk pada permukaan muka semasa serta selepas rawatan.

"Sekiranya pesakit berasa pedih di muka dan dalam hidung (melalui asap yang memasuki hidung), maknanya, terdapat banyak 'kotoran' atau resdung pada bahagian berkenaan.

"Ini juga dapat diukur melalui ketebalan habuk kuning yang 'keluar' pada muka pesakit. Makin tebal, maka, makin serius," kata Rosnani yang turut menyarankan bahawa seseorang perlu mendapatkan rawatan resdung setiap tiga bulan bagi menjamin kebersihan muka masing-masing.

Bagi Rosnani yang berasal dari Bachok, Kelantan dan keluarga seni, tiada pantang larang khas untuk mengamalkan rawatan tradistional berkenaan. Baginya, teknik paling mencabar adalah untuk menghasilkan kain resdung.

"Tempoh masa kira-kira sehari diperlukan untuk menghasilkan kain resdung menggunakan kain khas (menyerupai kain kapas) yang diimport pembekal tempatan dari negara China.

"Kain sepanjang 37 meter pada mulanya perlu diukur, ditanda, dikoyak kecil-kecil dan dijampi khas dengan ayat al-Quran sebelum disapu lilin yang dimasak untuk menjadikannya keras.

"Kebiasaannya, bagi pengamal-pengamal lain, hanya lima kain resdung digunakan bagi setiap rawatan, namun, di sini, sudah menjadi tradisi keluarga menggunakan 10 kain yang mana ia lebih berkesan dan pelanggan juga berasa lebih puas," jelas beliau.

Ketika ditanya cabaran yang dihadapinya, Rosnani yang bersuara halus menyatakan bahawa tiada kesusahan mahupun kesukaran yang dihadapi beliau.

"Asalkan ada minat, semua menjadi senang terutamanya dalam memperlajari teknik-tekinik rawatan," ujarnya yang pernah menyembuhkan seorang jururawat yang telah botak kepala ekoran resdung melalui rawatan selama tiga bulan.

Selain warga tempatan, rawatan resdung Rosnani turut memperoleh perhatian pesakit dari Arab Saudi, Sungai Petani, Kedah, Perak, Kuala Lumpur dan lain-lain.

Kemahiran Rosnani bukan hanya terhad kepada rawatan tradisional, malah, beliau turut mengusahakan perusahaan bedak sejuk yang turut menjadi tradisi turun-temurun keluarganya.

Umumnya, terdapat empat jenis bedak sejuk dihasilkan beliau iaitu yang biasa, aloevera, susu kambing dan air gamat.

Lain daripada yang lain, keistimewaan bedak sejuk Rosnani adalah ia dicampur dengan serbuk batu nasila yang dipercayai memberi kesan lebih efektif dan tahan lebih lama berbanding campuran beras biasa yang dipercayai mampu mengeluarkan bau hapak apabila disimpan lama. Bahan-bahan lain yang turut dicampur adalah pewangi dan air mawar bagi mengharumkan produk dihasilkan.


ROSNANI menunjukkan kain resdung dan serbuk batu nasila yang digunakan untuk menghasilkan bedak sejuk.


BEDAK sejuk yang siap dipek.

*Bagi maklumat lanjut :*
**Perusahaan Resdung & Ubat Tradisional**
**596, MKD, Jalan Bharu, 11000 Balik Pulau.**
**Tel. : 04 – 866 8606**
**Masa rawatan : Setiap hari (8.30 pagi – 6 petang)**
**RM14 setiap rawatan**

# Manfaat 'Zakat P. Pinang' wajar dikayakan - Zakiyuddin


AHMAD Zakiyuddin Abd. Rahman.

**PEMBANGUNAN** Pusat Perniagaan Wakaf Seetee Aisah di Jalan Tun Hussein Onn dekat Seberang Jaya yang diakui berjaya baru-baru ini seolah-olah menjadi pemangkin semula kepada idea mengayakan atau mengembangkan manfaat daripada kutipan zakat Pulau Pinang yang sekian kali dibahaskan.

Itu, lontaran idea Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman, 54, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Rumah Fakir/Miskin di institusi yang sama.

Beliau berkata, Zakat Pulau Pinang setiap tahun memperuntukkan kira-kira RM2 juta bagi membina atau memperbaiki rumah mereka yang di bawah asnaf Fakir dan asnaf Miskin.

Golongan Fakir dan Miskin di negeri ini yang mempunyai tanah atau yang mendapat kebenaran daripada tuan tanah untuk pembinaan rumah, layak dipertimbangkan untuk bantuan pembinaan rumah Zakat Pulau Pinang.

"Di Pulau Pinang, orang yang bukan dalam dua asnaf ini (Miskin dan Fakir) pun banyak yang tiada tanah sebab tanah di negeri ini tinggi nilainya serta terhad khususnya di kawasan pulau atau di bandar-bandar. Masalah perumahan khususnya dan hartanah amnya memanglah kritikal bagi umat Islam di negeri ini sejak sekian lama dan sentiasa menjadi isu apabila masalah orang Islam Pulau Pinang dibincangkan.

"Kita di Zakat Pulau Pinang memang ada cadangan dan pernah membincang lontaran idea untuk pembangunan hartanah ini.

"Idea mengembangkan manfaat dari dana zakat seperti membina dan memberi sewa atau diami rumah secara percuma kepada asnaf yang dikenalpasti layak umpamanya memang ada dibincangkan," ujar beliau semasa ditemu ramah oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB.**

Beliau berkata, institusi berkaitan umat Islam di Pulau Pinang sebenarnya memerlukan idea baru yang lebih konstruktif.

Pengalamannya sebagai jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) selama 10 tahun, selain berperanan penting dalam Institut Jurutera Malaysia (IEM) Cawangan Kedah dan Perlis selama beberapa penggal serta penglibatan sebagai Pengurus Projek Bertam Properties Sdn. Bhd. banyak membantunya mencari idea baru bagi merealisasikan cita-cita mengayakan manfaat umat dari dana Zakat Pulau Pinang.

Penglibatan di dalam perancangan dan perlaksanaan Projek Pembangunan Bandar Bertam, Kepala Batas terutama di peringkat awal yang melibatkan pembangunan komuniti serta diamanahkan pula sebagai Pengerusi Jawatankuasa Qariah Masjid Bertam Indah, Kepala Batas meletakkan beliau ditempat strategik di dalam memahami isu terlibat.

Berbekalkan semua pengalaman itu, beliau menyertai Ahli-ahli Lembaga yang lain diketuai oleh Datuk Mohd. Salleh Man, Yang DiPertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) serta Ustaz Elias Zakaria, Pengerusi Zakat Pulau Pinang dan juga kakitangan Zakat Pulau Pinang mengorak langkah untuk membuat pembaharuan di dalam usaha mengayakan manfaat dari sumber zakat tersebut.

Bagaimanapun, idea diketengahkan perlu dikaji, sama ada boleh direalisasikan menurut syarak atau sebaliknya.

Ini kerana katanya, sebagai mengambil contoh Wakaf Setee Aishah fatwa telahpun membenarkan pengayaan manfaat di atas tanah wakaf sungguhpun 'ain tanah wakaf' (fizikal tanah wakaf) itu sendiri tidak boleh dijual kepada mana-mana pihak lagi atas sebab ia sudah menjadi milik bersama ummah.

Justeru, beliau berkata, MAINPP dan Zakat Pulau Pinang khasnya memerlukan langkah masa depan yang lebih dinamik untuk mengayakan manfaat dari kutipan wang zakat ini.

"Mungkin kita boleh tentukan peruntukan tertentu dari kutipan tahunan zakat ini dengan membeli tanah dan dijadikan bank tanah sebelum dibangunkan manfaat seperti bina rumah fakir miskin mungkin tahun seterusnya. Semuanya perlu dirujuk terlebih dulu kepada pihak berkuasa agama untuk menentukan ianya menepati kehendak syariah".

"Kalau kita lihat dalam amalan urus agihan zakat sekarang, pengagihan tertentu boleh dibuat tetapi dengan syarat tidak menafikan hak di bawah ketegori mana-mana asnaf terutama fakir dan miskin untuk mendapat pembelaan dan hak masing-masing," ujar beliau.

Difahamkan, kira-kira 3,000 berdaftar dan dikenalpasti sebagai Fakir dan Miskin layak menerima zakat daripada Zakat Pulau Pinang di bawah pelbagai kategori.

Manakala, kutipan zakat di Pulau Pinang saban tahun kebelakangan ini tidak kurang dari RM50 juta.

"Dalam RM2 juta peruntukan untuk bina atau baiki rumah... kalau nak bina, dalam 50 rumah (dengan keluasan) 700 kaki persegi (tiap-tiap tahun).

"Sekarang ini, kita (Zakat Penang) bagi peruntukan bina rumah atau baiki rumah dengan syarat mereka ada tanah atau dalam kebenaran menduduki.

"Mungkin juga selepas ini, kalau dibenarkan di sisi syarak, kita beli tanah dan bina rumah menggunakan manfaat dari peruntukan asnaf Fi Sabilillah umpamanya," ujar beliau.

**CABARAN**

Beliau berkata, Zakat Pulau Pinang senantiasa berusaha untuk meyakinkan umat Islam mengenai integriti Zakat Pulau Pinang dalam menguruskan amanah ummah ini.

Hasilnya terbukti dengan peningkatan kutipan zakat yang makin bertambah setiap tahun dan sudah mencecah lebih RM60 juta tahun ini (2012).

"Selain terima zakat pendapatan dan fitrah, kita (Zakat Pulau Pinang) banyak menerima zakat korporat daripada syarikat-syarikat dan bank-bank, zakat perniagaan, simpanan wang dan emas serta lain-lain.

"Kita (Zakat Pulau Pinang) hanya buat promosi serta jelaskan apakah yang kita buat dengan duit zakat Pulau Pinang ini untuk meyakinkan semua pihak dan menyedarkan mereka kewajipan mengeluarkan zakat dan diagihkan secara betul.

"Selalunya, mereka (pihak korporat) sendiri yang menentukan jumlah zakat yang nak dikeluarkan...selalunya mereka akan juga bertanya ke mana duit mereka ini diurus atau diagihkan," ujar beliau.

"Mungkin inilah antara cabaran-cabaran yang kita perlu depani," ujar beliau sambil menyimpan harapan agar Zakat Pulau Pinang menjadi model urus korporat institusi agama Islam terbaik di tanah air ini.

**HARAPAN**

Beliau berharap dan percaya, Majlis Agama Islam Pulau Pinang khususnya Zakat Pulau Pinang akan lebih kreatif dan fokus dalam mengemukakan polisi-polisi dan pendekatan baru untuk melaksanakan amanah ummah demi manfaat umat di negeri berkenaan.

Beliau berkata, Zakat Pulau Pinang sudah berjaya meletakkan zakat menjadi sumber yang begitu berperanan di dalam agenda umat Islam Pulau Pinang seharusnya dimanfaatkan lagi dengan lebih berkesan dan luas.

"Polisi-polisi baru seperti mengembang manfaat zakat ini mampu untuk membantu menyelesai masalah ummah (kemaslahatan ummah), khususnya yang melibatkan asnaf-asnaf yang sedia layak menerima zakat tersebut," ujar beliau.


AHMAD Zakiyuddin Abd. Rahman ketika diwawancara BM.

# Patahiyah perjelas punca MPPP roboh binaan di Lengkok Sg. Gelugor Satu

**GEORGE TOWN -** Sebahagian binaan tambahan tanpa kelulusan pada rumah milik warga emas di Sungai Gelugor Satu, di sini yang dirobohkan Direktorat Penguatkuasa baru-baru ini sebenarnya ekoran daripada aduan-aduan jiran, Zulkifly Mohamad sejak lima tahun lepas lagi.

Demikian penjelasan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail menjawab pertikaian banyak pihak, termasuk kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"(Jiran) Encik Zulkifly bin Mohamad yang juga merupakan jiran bersebelahan, telah mengadu bahawa pembinaan tanpa kelulusan ini telah menjejaskan kualiti kawasan perumahannya, membahayakan dan menyebabkan pembiakan nyamuk," ujar beliau menerusi satu siaran media di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, pada 1 Oktober 2007, satu notis telah dikeluarkan di bawah Seksyen 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ke atas kerja-kerja pindaan dan tambahan yang telah dijalankan dalam kawasan premis berkenaan.

"Struktur tambahan yang dimaksudkan ini adalah suatu binaan dari jenis tiang dan konkrit yang bertetulang dua tingkat berukuran 10'0" X 80'0" dan struktur bersaiz 20'0" X 10'0" di bahagian depan premis berkenaan.

"Struktur ini juga boleh mendatangkan implikasi keselamatan memandangkan ia tiada anjakan 2 meter dari sempadan lot sisi," jelas beliau sambil mengemukakan kronologi kes demi membuktikan bahawa langkah penguatkuasaan MPPP adalah secara profesional serta mengikut lunas undang-undang.

Terdahulu, banyak pihak termasuk Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) mempersoal langkah penguatkuasaan MPPP itu.

Patahiyah berkata, pihaknya akan bertemu dengan semua kepemimpinan Kerajaan Negeri berwajib bagi menjernihkan semua kekeliruan itu.

"Pihak majlis (MPPP) melalui Jawatankuasa Penyelarasan Operasi sentiasa terbuka dan akan mengambil kira dan mempertimbangkan pelbagai sudut dan pandangan awam, pengadu, wakil setempat dan juga sensitiviti masyarakat.

"MPPP akan merujuk perkara ini kepada Kerajaan Negeri dan sedia menerima apa-apa arahan yang disyorkan," ujar beliau.

Terdahulu, kira-kira lima tahun lepas, Zulkifly selaku jiran rumah kontroversi itu membuat aduan kepada MPPP.

Ekoran itu, MPPP pada 1 Oktober 2007 mengeluarkan satu notis di bawah Seksyen 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Pada 11 Oktober tahun yang sama, notis kedua di bawah Seksyen 72(6) akta yang sama dikeluarkan dengan memberi tempoh selama 30 hari kepada pemilik rumah tersebut menghentikan kerja-kerja pembinaan struktur tambahan tanpa kelulusan tersebut.

Namun, menurut laporan rasmi MPPP, pemilik premis berkenaan ingkar serta tidak mematuhi kehendak-kehendak notis berkenaan.

Insiden tersebut kemudiannya dirujuk ke mahkamah pada 21 Julai 2008. MPPP mendakwa pemilik premis berkenaan di bawah Seksyen 70 Akta Jalan, Parit dan Bangunan.

Lantaran itu, pemilik premis berkenaan telahpun mengaku bersalah lalu dikenakan denda RM2,000 oleh Mahkamah.

Pada 19 Januari 2009, MPPP sekali lagi mengeluarkan notis serta menasihatkan pemilik premis berkenaan supaya mematuhi kehendak-kehendak notis tersebut.

Pemilik premis itu kemudiannya mengemukakan rayuan lalu MPPP memberi tempoh selama tiga bulan bermula pada 12 Mac 2009 untuk notis tersebut dipatuhi.

Dalam tempoh itu, MPPP menjelaskan bahawa pemilik premis langsung tidak mengemukakan permohonan pelan bangunan daripada majlis sehingga kini.

Malah, MPPP menjelaskan, struktur binaan tambahan tanpa kelulusan itu turut dibiarkan terbengkalai serta tidak dirobohkan hatta menimbulkan bahaya serta menjadi kawasan pembiakan nyamuk.

MPPP terus menerima beberapa aduan yang sama daripada Zulkifly hatta menerima rasa tidak puas hati daripada pengadu tersebut.

Pada 12 Julai lepas, MPPP menerima aduan terbaru daripada Zulkifly. MPPP digambarkan gagal melaksanakan tanggungjawab ekoran tiada langkah penguatkuasaan ke atas binaan tambahan Tanpa Kelulusan Pelan tersebut.

Sebenarnya, MPPP mengambil langkah sewajarnya serta mematuhi *'Standard of Procedure'* yang digariskan oleh Kerajaan Negeri, seperti mendapatkan kelulusan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N.Rayer bagi menguatkuasa undang-undang berwajib.

Pada 8 November lepas, MPPP mula merobohkan struktur Tanpa Kelulusan Pelan sahaja - bukan roboh rumah warga emas tersebut - di Lengkok Sungai Gelugor 1, Sungai Gelugor, di sini.

Struktur Tanpa Kelulusan Pelan itu dirobohkan baru-baru ini selepas kira-kira lima tahun MPPP menerima aduan Zulkifly serta berunding beberapa kali dengan pemilik rumah kontroversi itu.



PATAHIYAH Ismail.

## Jabatan Pelesenan johan cipta laman web

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Jabatan Pelesenan dipilih sebagai johan dalam pertandingan mencipta laman web antara jabatan-jabatan di bawah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sempena Majlis Pelancaran MPSPNET di sini baru-baru ini.

Jabatan Kemasyarakatan dipilih sebagai Naib Johan, manakala, Jabatan Direktorat Dan Penguatkuasaan mengisi tempat ketiga.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, pertandingan tersebut diadakan demi memupuk budaya kreativiti, selain meningkatkan kecekapan bekerja menggunakan elemen teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Tambahnya, saingan itu sejajar dengan pelancaran MPSPNET, iaitu sistem capaian maklumat operasi pengurusan yang hanya boleh diakses oleh pekerja-pekerja MPSP sahaja.

"MPSPNET ini adalah capaian maklumat secara dalaman oleh semua kakitangan MPSP tentang program-program kita, visi-misi kita dan tentang fokus kita.

"Pertandingan laman web di peringkat jabatan ini pula adalah untuk memupuk konsep ataupun minat, kreativiti dan inovasi.

"Program yang dijalankan di bawah Urusetia ICT dan saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pelesenan yang dapat johan," ujar beliau di Kompleks MPSP, di sini.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) sambil ditemani Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud (kanan sekali) menunjukkan laman MPSPNET kepada para pemenang mencipta laman web jabatan masing-masing bersempena majlis pelancaran MPSPNET di sini baru-baru ini.**

Beliau berkata, budaya kreativiti, inovasi serta mesra ICT dalam kalangan kakitangan MPSP mampu melonjak budaya yang sama dalam komuniti Seberang Perai sebagaimana digariskan dalam Fokus MPSP 2012.

# "Warisan wajar dikekalkan" - Sr. Mohd. Zahry

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** "Tapak warisan di negeri ini perlu dipertahankan agar bangunan lama yang dulunya didiami jawi peranakan tidak lenyap begitu saja," tegas Ahli Majlis, Sr. Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahman pada ucapan penggulungan Mesyuarat Biasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama baru-baru ini di sini.

Mohd. Zahry berkata, tujuan kebanyakan bangunan dan tapak warisan di sini sukar dipertahankan adalah berpunca daripada keinginan mengurangkan beban tanggungan.

"Bangunan warisan kepunyaan MPPP, jadi, panel merasakan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit perlu lebih berhati-hati di dalam hal ini.

"Kita tidak mahu George Town terjejas sebagai sebuah bandar warisan dunia yang telah diberikan status oleh UNESCO ditarik balik," jelasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Zahry turut mencadangkan agar Kampung Tanjong Tokong yang bakal dibangunkan pemaju, UDA Holdings supaya terus mengekalkan elemen warisan kerana Kerajaan Negeri telah mengazetkan lokasi terbabit sebagai sebuah kampung warisan sebelumnya.

"Kawasan sekitar Tanjong Tokong telah pesat membangun dengan kompleks membeli-belah seperti *TESCO* dan *Straits Quay*, seharusnya Kampung Tanjong Tokong yang telah wujud berpuluh tahun terus kekal dengan menerapkan elemen sebuah perkampungan warisan di tengah kota membangun.

"Terdapat beberapa kampung yang bakal dibangunkan semula, justeru, Tanjong Tokong seharusnya dijadikan sebagai *pilot* projek ataupun projek contoh kepada kampung-kampung yang bakal dibangunkan seperti kampung Batu Uban dan Teluk Kumbar," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Majlis MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman menganggap apa yang cuba dilestarikan adalah satu usaha Kerajaan Negeri dalam mengekalkan warisan.

"Apa yang ditentang adalah pembangunan yang ingin dijalankan akan menghapuskan tradisi hingga ke akar umbi," jelasnya pada majlis sama.



SR Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahman.

# Titi usang bahaya murid ke sekolah dapat perhatian



AHMAD Tarmizi Abdullah menghubungi pihak JPS selepas meninjau keadaan titi kayu usang yang mengundang bahaya kepada para pelajar yang melintasinya.



Ahmad Tarmizi Abdullah (barisan depan, berbaju putih) dan Francis Ong Koon Liak (barisan depan, tengah) bersama-sama sukarelawan setempat pada Majlis Gotong-royong Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TASEK GELUGOR -** Titi usang di Taman Sepadu Fasa Dua, di sini yang menjadi laluan alternatif murid-murid ke Sekolah Menengah Bakti mendapat perhatian Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini.

Ahli Majlis bagi MPSP, Ahmad Tarmizi Abdullah dalam reaksi spontan berkata, pihaknya telahpun menghubungi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) demi memohon satu titi baru demi keselamatan penduduk setempat.

"Titi kayu ini nampak cukup usang dan mungkin menunggu roboh...sangat bahaya untuk anak-anak kita ke sekolah.

"Saya akan menghubungi JPS untuk memaklumkan hal ini serta minta tindakan segera," ujarnya pada Majlis Gotong-royong Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat di sini baru-baru ini.

Program tersebut merupakan kendalian Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Tasek Gelugor yang turut dihadiri Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Berangan, Arshad Md. Salleh.

Beliau berkata, MPSP akan memulakan kerja-kerja membersihkan parit di kawasan mudah banjir di sekitar Taman Sepadu Fasa Dua pada hujung bulan ini.

Sebelum itu, seorang lagi Ahli Majlis bagi MPSP, Francis Ong Koon Liak turut menyempurnakan Majlis Pelancaran Pasukan Peronda Sukarela (PPS) setempat.

# Jalan jeti diturap mudah nelayan daratkan hasil



**KEADAAN jalan yang siap diturap dan lampu jalan yang dipasang di Kampung Bangsal Rawai di sini baru-baru ini.**

**TELOK BAHANG –** Akhirnya, penantian selama 22 tahun penduduk Kampung Bangsal Rawai di sini termakbul setelah jalan di jeti kuala diturap dan turut dipasang kemudahan lampu jalan.

Lanjutan itu, kemudahan bernilai kira-kira RM35,000 sumbangan Pejabat Tanah dan Daerah Daerah Barat Daya berkenaan juga bakal memberi kemudahan kepada 200 nelayan tempatan bagi mendaratkan hasil tangkapan masing-masing.

Malah, jalan berkeluasan 15 kali lebar dari sedia ada dan sepanjang 120 meter juga penting berperanan sebagai penghalang ombak yang memungkinkan kerosakan pada bot serta masalah hakisan.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain yang mengadakan lawatan khas ke lokasi berkata, dengan kemudahan kerusi yang diletakkan di sepanjang laluan, lokasi tersebut juga boleh digunakan oleh kaum keluarga dan para nelayan untuk bersantai.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Mohd. Amin Noordin merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri dan semua terlibat kerana penantian para penduduk selama 22 tahun akhirnya kini menjadi realiti.

# Mangsa ribut Mak Mandin terima sumbangan



**LIM Hock Seng (10 dari kanan) bergambar bersama-sama penerima sumbangan mangsa ribut di Mak Mandin di sini baru-baru ini.**

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJU-DIN**

**BAGAN JERMAL –** Bagi meringankan beban mangsa-mangsa bencana ribut di Mak Mandin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng turun padang menyampaikan sendiri sumbangan kepada mereka terlibat di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau yang juga Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi) turut melahirkan rasa simpati di atas kejadian yang menimpa para penduduk terlibat.

Katanya, sebanyak 32 buah rumah yang terjejas iaitu membabitkan 17 unit di Bagan Jermal dan Sungai Puyu (15).

"Bantuan yang disampaikan itu adalah selepas taksiran penuh dilaksanakan dan lebih RM10,000 telah diperuntukkan bagi memperbaiki kerosakan dialami.

"Sumbangan tersebut adalah membabitkan dua sumber utama, iaitu Tabung Bencana Tuan Yang Terutama (TYT) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," jelas beliau.

# Bumbung mangsa ribut dibaiki



**RAMLAH Hashim.**

facebook.com/buletinmutiara

Oleh**: WATAWA NATAF ZULKIFLI**

TELOK BAHANG – Prihatin dengan nasib yang menimpa seorang mangsa ribut, Ramlah Hashim, 57, Kerajaan Negeri di bawah peruntukan pejabat daerah tampil menghulurkan bantuan dengan membina semula bumbung serta struktur-struktur lain kediamannya yang diterbangkan dalam kejadian di Kampung Teluk Awak di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ramlah merakamkan ribuan ucapan terima kasih kepada keprihatinan Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah Barat Daya dan semua pihak yang terlibat.

"Ini termasuk, Datuk Halim (Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain), Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Telok Bahang, Halil Sabri, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Telok Bahang, Mohd. Amin Noordin dan semua pihak yang terlibat secara tidak langsung," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut Ramlah, ketika kejadian, beliau tidak menyedari bumbungnya kediamannya diterbangkan ribut sehinggalah dimaklumkan jiran.

"Nasib baik tiada kecederaan dialami saya dan juga keluarga," ujar beliau.

# Sumbangan beras untuk keluarga memerlukan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS** – Pada setiap bulan, 10 keluarga memerlukan di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas bakal dihulurkan sumbangan beras oleh Pegawai Penyelaras bertugas.

Terbaru, pemberian sumbangan berkenaan disampaikan kepada 10 buah keluarga sekitar Teluk Kumbar di sini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Asnah Hashim berkata, program mingguan dan bulanan tersebut adalah aktiviti yang harus dilakukan secara sistematik agar rakyat berasa selesa dan mesra dengan pemimpin tempatan.

"Malah, program-program yang diatur dari semasa ke semasa adalah mesra masyarakat dan bersesuaian dengan adat serta cara hidup masyarakat di sini," katanya di sini baru-baru ini.

Asnah dalam pada itu turut mengadakan beberapa lawatan meninjau tempat pendaratan nelayan Teluk Kumbar, lawatan ke tapak pembaikan rumah dan menghadiri program mingguan PPK Bayan Lepas bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), *Cleaner, Greener* Teluk Kumbar.



**ASNAH Hashim (kiri) bersama pembantunya bersedia untuk mengagihkan beras kepada 10 buah keluarga terpilih di Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.**

# 174 pek darah dikumpul sempena kempen kesihatan



**SALAH seorang petugas St. John Ambulance Pulau Pinang menjelaskan teknik CPR yang betul kepada Ng Wei Aik sempena *Mass CPR, Blood Donation and Free Health Screening Campaign* di sini baru-baru ini.**

**PANDUAN TEPAT...** Bertemakan, *A Pack of Blood, A Heap of Love, Save Life with Your Blood,* sejumlah 174 pek darah berjaya dikumpul dalam *Mass CPR, Blood Donation and Free Health Screening Campaign* di Komtar baru-baru ini.

Selain derma darah, pelbagai aktiviti dijalankan bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang teknik pemulihan kardiopulmonari atau *cardiopulmonary resuscitation* (CPR) yang betul, pemeriksaan kesihatan termasuk tekanan darah dan paras gula dalam darah dan kebaikan menderma darah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik yang hadir pada upacara perasmian berkata, penganjuran kempen tersebut adalah salah satu medium untuk memaklumkan kepada orang awam tentang pentingnya penjagaan kesihatan dan perlunya seseorang itu untuk mengetahui teknik asas perubatan agar ia mampu menyelamatkan nyawa seseorang.

Kempen tersebut dianjurkan Persatuan St. John Ambulance Pulau Pinang dan Millenium Combined Adult Development and New Century Lions Club Pulau Pinang dengan kerjasama Hospital Adventist dan Hospital Besar Pulau Pinang.



**KERJA-kerja penurapan giat dijalankan di beberapa kawasan kampung sekitar Penaga di sini sebelum ini.**

# Jalan 5 kampung diturap

**PENAGA** – Demi keselesaan penduduk, kerja-kerja penurapan tar di lima buah kampung siap dijalankan dalam tempoh masa 10 hari di sini baru-baru ini.

Kampung terbabit adalah Kampung Pasir Gebu, Kampung Bakar Kapor, Kampung Guar Tuan Syed, Kampung Permatang Tinggi A dan Guar Kepah.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain berkata, inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk masyarakat Penaga.

"Semoga dengan adanya jalan yang berturap, maka, semangat untuk mencari ilmu, rezeki dan amal dapat dilaksanakan dengan sempurna, inshaAllah," kata Rosidi ketika mengadakan lawatan ke beberapa kawasan yang telah diturap di sini baru-baru ini.

Beliau menambah, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memberi keselesaan kepada rakyat tanpa mengira latar belakang politik, kaum dan fahaman.

"InshaAllah, projek-projek masyarakat seperti ini akan diteruskan demi memastikan anak-anak muda kita berasa selesa dalam membangunkan diri, ilmu dan minda mereka," ujarnya.




PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS

PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN . PROGRAM PELAJAR EMAS